

**Instrumen Pentaksiran**

**Kod** : 1223/1  
**Markah** : 100  
**Masa** : 2 jam

**Reka Bentuk Instrumen Pentaksiran**

Kertas 1 mengandungi dua bahagian : A dan B

## Bahagian A

- Mengandungi 20 soalan objektif aneka pilihan
- Mengandungi 20 soalan isi tempat kosong
- Calon dikehendaki menjawab semua soalan
- Jumlah markah : 40 markah
- Cakupan konteks : Akidah, Ibadat, Adab / Akhlak Islamiah, Sirah dan Tokoh Islam.
- Konstruk : Pengetahuan 30%, Pemahaman 30%, Kemahiran 40%

## Bahagian B

- Mengandungi 4 soalan
- Calon dikehendaki menjawab tiga soalan
- Soalan 1 dan 2 wajib dijawab dan pilih satu soalan daripada soalan 3 dan soalan 4
- Jumlah markah : 60 markah
- Cakupan konteks : Akidah, Ibadat, Adab / Akhlak Islamiah, Sirah dan Tokoh Islam.
- Konstruk : Pengetahuan 30%, Pemahaman 30%, Kemahiran 40%

**PRESTASI KESELURUHAN**

Pada keseluruhannya, prestasi calon 2013 adalah lebih baik dari tahun 2012. Namun jumlah pelajar yang mendapat markah 80% ke atas agak menurun. Keadaan ini disebabkan pelajar tidak dapat menguasai soalan tokoh dan tamadun iaitu soalan No.3 dan nombor 4. Ramai juga calon tidak dapat menjawab soalan hukum dan alasan dengan tepat pada bahagian ibadah (soalan no.2) .

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **Kumpulan Tinggi**

Calon pencapaian tinggi dapat menjawab dengan baik pada semua konstruk pengetahuan, pemahaman dan kemahiran yang merangkumi aras rendah, sederhana dan tinggi. Calon dapat memberikan jawapan yang jelas merangkumi isi dan huraian pada soalan yang menggunakan kata tugas terangkan. Namun demikian calon tidak dapat menguasai soalan bahagian tamadun dan tokoh dengan baik.

### **Kumpulan Sederhana**

Calon dapat menjawab pada tahap sederhana pada soalan bahagian A dan B, tetapi kehilangan banyak markah pada soalan tamadun dan tokoh. Calon tidak mendapat markah penuh pada soalan yang menggunakan kata tugas terangkan kerana hanya menulis isi jawapan tanpa huraian yang jelas. Calon juga tidak dapat menjawab dengan baik soalan tamadun dan tokoh. Terdapat juga calon tidak menjawab soalan no. 3 atau no. 4.

### **Kumpulan Rendah**

Calon hanya dapat menjawab pada soalan mudah dan perkara asas bagi sesuatu tajuk. Calon tidak mendapat markah penuh pada soalan yang menggunakan kata tugas terangkan. Calon menulis jawapan dengan satu perkataan sahaja pada kata tugas jelaskan atau terangkan. Ramai calon tidak menjawab soalan bahagian tamadun dan tokoh. Terdapat juga calon yang menjawab soalan objektif secara meneka sahaja manakala bahagian subjektif tidak dijawab.

## PRESTASI TERPERINCI

### SOALAN ITK (1 HINGGA 20)

#### Contoh Jawapan Kumpulan Tinggi

- 21 .. Sihar .....
- 22 .. Rejam dengan batu sampai mati .....
- 23 .. Penangguhan .....
- 24 .. Berkemampuan .....
- 25 .. Qudum [ Selamat datang ] .....
- 26 .. Apabila berjanji, dia memungkirkannya .....
- 27 .. Zamani .....
- 28 .. Wali nasab .....
- 29 .. Mukallof .....
- 30 .. pembukuan .....
- 31 .. ~~Sayyidatul Islam~~ Hujjatul Islam .....
- 32 .. Islah .....
- 33 .. Nasihat dan peringatan .....
- 34 .. Menyalah guna .....
- 35 .. Tiga .....
- 36 .. Menetapkan Al-Qur'an dibaca dengan lahjah Quraisy .....
- 37 .. Haram .....
- 38 .. Sunat .....
- 39 .. Harus .....
- 40 .. Wajib .....

Calon dapat menjawab dengan baik pada semua konstruk pengetahuan, pemahaman dan kemahiran merangkumi aras rendah, sederhana dan tinggi.

Contoh Jawapan Calon Kumpulan Sederhana

- 21 .. syirik .....
- 22 .. rejam sampai mati .....
- 23 .. faedah .....
- 24 .. berkemampuan .....
- 25 .. Selamat datang .....
- 26 .. berbohong kerana beribadat .....
- 27 .. mazani .....
- 28 .. wali nasab .....
- 29 .. Merdeka .....
- 30 .. penterjemahan .....
- 31 .. penyelamat Islam .....
- 32 .. islah .....
- 33 .. kesedaran .....
- 34 .. salah guna .....
- 35 .. tigu .....
- 36 .. mempertenatkan mushaf utmani .....
- 37 .. haram .....
- 38 .. wajib .....
- 39 .. makruh .....
- 40 .. wajib .....

Calon sederhana dapat memberikan jawapan yang baik pada soalan-soalan aras sederhana dan rendah sahaja.

Contoh Jawapan Calon Kumpulan Rendah

- 21 ..... Sihir .....
- 22 ..... 100 kali sebatan .....
- 23 ..... Jual beli .....
- 24 ..... Berkhemah .....
- 25 ..... tawaf wida .....
- 26 ..... Bersikap perkara tidak benar .....
- 27 ..... hajat zaman .....
- 28 ..... Wari nasab .....
- 29 ..... Berkeyakinan din .....
- 30 ..... Perinduan .....
- 31 ..... Al - Bukhari .....
- 32 ..... Agama islam .....
- 33 ..... naqihat .....
- 34 ..... adab .....
- 35 ..... waktu .....
- 36 ..... Mempunyai anak pendidikan .....
- 37 ..... Haram .....
- 38 ..... Wajib .....
- 39 ..... Sunat .....
- 40 ..... Wajib .....

Calon rendah hanya dapat menjawab beberapa soalan mudah iaitu soalan 37, 38, 39 dan 40. Bagi soalan-soalan lain, pelajar ini tidak menjawab dengan betul. Calon lemah hanya meneka jawapan bagi kebanyakan soalan. Ini menunjukkan calon hanya mengetahui perkara-perkara asas dalam bahagian akidah dan ibadah. Calon tidak menguasai bahagian tokoh dan tamadun.

## BAHAGIAN B

Soalan1 (a) (i)

Nyatakan **dua** contoh perbuatan menipu. [2markah]

1	(a) i. dua contoh perbuatan menipu
	- Mengurangkan timbangan dalam berniaga.
	- Mencampurkan buah yang elok dan yang busuk.
	- Bercakap perkara yang tidak benar dan sia-sia.

Calon telah memberikan jawapan dengan tepat dan jelas iaitu mengemukakan tiga jawapan yang menunjukkan kepada perbuatan seperti mencampurkan buah yang elok dengan buah yang busuk.

i	Dua contoh perbuatan menipu.
	* Menipu ialah seperti tidak bercakap benar.
	* Melampaui batas apabila bertengkar

Jawapan calon bercampur. Calon dapat menyatakan contoh menipu dengan tepat. **Tetapi** Manakala jawapan kedua adalah salah kerana jawapan tersebut merujuk kepada ciri-ciri munafik.

i.	2 contoh perbuatan menipu
	- Jual beli di atas juatan orang lain

Calon ini tidak dapat menyatakan contoh menipu. Jawapan ini lebih menjurus kepada jual beli yang dilarang dan tidak sah.

**Soalan 1 (a) (ii)**

Jelaskan **dua** akibat perbuatan menipu terhadap individu

2 akibat menipu kepada individu.

- Hidup tidak tenteram

- Hidup tidak dibertahi Allah.

- Dimurkai Allah.

- Doa tidak dimatbulkan Allah.

Calon ini berjaya menjelaskan akibat buruk perbuatan menipu kepada individu dengan tepat dan jelas serta memberikan empat jawapan melebihi daripada yang dikehendaki soalan. Jawapan juga ditulis dengan kemas dan tersusun.

ii- Dua akibat perbuatan menipu terhadap individu.

- Di benci masyarakat.

- Di kata-kata ~~masyarakat~~ oleh masyarakat.

Calon ini memberikan dua jawapan tetapi jawapan kedua merupakan isi yang sama dengan jawapan pertama. Oleh itu semua calon dinasihatkan supaya menulis jawapan melebihi yang diminta serta perlu berhati-hati dengan kehendak soalan iaitu ke atas individu sahaja.

ii) Dua akibat perbuatan menipu terhadap individu. (4m)

- ingin menyelamatkan nyawa

- tidak berpuas hati dengan kehebatan orang lain.

Calon ini memberikan dua jawapan tetapi kedua-duanya tidak tepat kerana jawapan lebih menjurus kepada faktor bukannya akibat menipu terhadap individu.

1 (a) (iii) Terangkan **dua** cara anda menghindarkan diri daripada perbuatan menipu.

2 cara menghindarkan diri dari menipu.

a) Menanam sikap jujur dalam diri setiap kali bergaul.

b) Menjauhi orang yang sering menipu agar tidak terpengaruh.

c) Mendekati para ulama untuk mengetahui erti menipu dan akibatnya.

Calon ini mengemukakan tiga jawapan melebihi daripada kehendak soalan. Jawapan yang dikemukakan mengandungi isi dan huraian menepati kehendak soalan.

iii) 2 cara untuk menghindari perbuatan menipu.

=> Berdoa meminta petunjuk daripada Allah sekiranya hendak menipu.

=> Mengelakkan berkawan dengan orang yang sering menipu supaya tidak terpengaruh dengannya.

Calon ini mengemukakan dua jawapan tetapi hanya satu sahaja yang betul. Jawapan pertama tidak bertepatan dengan kehendak soalan. Oleh itu dinasihatkan agar semua calon dapat menulis jawapan melebihi daripada yang diminta.

1 (b) (i) Nyatakan maksud kemanisan iman

Maksud Kemanisan Iman

- Berasa gembira melakukan kebajikan, menanggung  
melaksanakan perintahNya.

Kepayahan untuk mendapatkan Keredhaan Allah dan

Rasul-Nya dan mencintai Allah dan Rasul melebihi <sup>dari</sup> ~~di~~

segalanya ~~di~~ dunia

Calon dapat menyatakan maksud kemanisan iman dengan lengkap dan tepat.

b) i) Maksud kemanisan iman, (2M)

kemanisan iman bermaksud keseronokan semasa melakukan ibadah

sama ada wajib ataupun sunat.

Calon hanya dapat menjawab satu isi utama sahaja tanpa menyatakan sanggup menanggung kepayahan demi untuk mendapatkan keredaan Allah serta mengutamakan Allah dan Rasul melebihi segalanya.

1(b)(ii) Jelaskan dua kelebihan mencapai tahap kemanisan iman dalam kehidupan seseorang [4 markah]

(ii) 2 kelebihan mencapai tahap kemanisan iman

- \* Sentiasa mendapat hidayah daripada Allah.
- \* hati menjadi terang ketika melakukan ibadat.
- \* terhindar daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah seperti berjudi dan minum arak
- \* Sentiasa dilayangi oleh Allah kerana melakukan perintahnya dan menyingkirkan larangannya.

Calon dapat memberi empat isi dengan jelas berkaitan kelebihan mencapai tahap kemanisan iman.

ii) a) sentiasa syaitan tidak berpengaruh.  
b) akan sentiasa hidup dalam kekhayalan

Calon mengemukakan dua isi jawapan tetapi jawapan pertama mirip kepada sebab dan hanya jawapan kedua sahaja tepat dengan kelebihan mencapai tahap iman.

ii) i) berduka kepada Allah  
ii) membentangi dakwaan kepada Juang Islam  
ii) sukat 5 waktu sehari semalam  
iv) bertaukid kepada Allah s.w.t.

Calon mengemukakan empat jawapan tetapi semua jawapan lebih menjurus kepada cara untuk mencapai kemanisan iman bukan kelebihan mencapai tahap kemanisan iman.

1 (b) (iii) Nyatakan maksud bagi istilah di bawah :

- a) Musyrik
- b) Fasik

(ii) Maksud istilah

(a) Musyrik

- Orang yang menyetutukan Allah dengan sesuatu pada zat, sifat dan afalnya.

(b) fasik

- Orang yang yakin yang melakukan dosa besar dan berterusan melakukan dosa-dosa kecil.

Jawapan ini mempamerkan mutu jawapan tinggi. Calon dapat menyatakan maksud musyrik dan fasik dengan tepat.

(ii) Maksud bagi istilah :-

(a) musyrik - orang yang tidak mempersekutukan Allah dan menolak ajaran Nabi Muhammad SAW.

(b) Fasik - orang Islam yang melanggar perintah Allah S.W.T

Calon hanya dapat menyatakan satu maksud sahaja iaitu fasik. Jawapan bagi musyrik tidak tepat kerana jawapan tersebut maksud kepada kufur.

(iii) Maksud musyrik ialah golongan yang memperpendakan agama Islam atau terbatal imannya.

(b) Maksud fasik ialah golongan yang masih tidak terbatal imannya.

Calon tidak dapat memberi jawapan secara langsung bagi kedua-dua maksud yang diberi.

2 (a) (i) Nyatakan **dua** rukun jual beli

Dua rukun jual beli
- Sighat (Ijab dan Kabul)
- penjual
- pembeli
- Harga
- Barang

Calon ini dapat menyenaraikan kesemua rukun jual beli dengan tepat. Jawapan sebegini perlu dijadikan contoh ketika menjawab peperiksaan.

2 a i	Dua rukun jual beli
	i Lafaz
	ii Modal
	iii Ahli

Calon ini hanya dapat mengemukakan satu isi jawapan sahaja. Jaawapan yang berikutnya lebih kepada rukun syarikat.

i	Dua rukun jual beli:
1	melaksanakan jual beli dengan persetujuan.
2	Tiada unsur riba.
3	Berlandaskan hukum jual beli.
4	Sah

Calon ini mempamerkan jawapan yang mirip kepada syarat sah penjual dan pembeli (isi pertama) manakala isi kedua mirip kepada unsur yang perlu dielak dalam insurans. Isi jawapan ketiga dan keempat tidak ada apa-apa kaitan dengan kehendak soalan.

2 (a) (ii) Jelaskan **dua** jenis jual beli yang dilarang dan tidak sah

(ii) = jenis jual beli yang dilarang dan tidak sah
- Jual beli barang yang seperti buah yang <sup>masih di</sup> masih di pokok
- Jual beli bersejarah seperti menjual motor setelah
penjual pergi ke luar negara.
- Menjual barang yang tidak sempurna milik.

Calon ini dapat mengemukakan dua isi jawapan dan lebih dengan tepat beserta contoh bagi isi jawapan pertama dan kedua. Contoh yang diberi dapat memantapkan lagi jawapan.

(ii) jenis jual beli yang dilarang dan tidak sah.
- menjual barang yang tidak bernilai.
- membeli barangan yang bukan hak milik penjual / pemborong

Calon ini menjawab dua isi jawapan. Isi jawapan kedua tepat dengan kehendak soalan manakala jawapan pertama menjurus kepada syarat sah barang dalam jual beli.

(ii) jenis jual beli yang dilarang:
- jual beli yang terdapat unsur riba.
- Menipu dalam urusan jual beli.

Calon ini mengemukakan jawapan tentang perkara-perkara yang perlu dielak dalam jual beli sedangkan kehendak soalan ialah jenis jual beli yang dilarang dan tidak sah.

2 (a) (iii) Nyatakan hukum jual beli dan alasan bagi situasi berikut :

- a) Encik Ali berniaga dengan meletakkan barang yang baik di bahagian atas sedangkan di bahagian bawah adalah sebaliknya.
- b) Seorang pelajar telah menjual telefon bimbit yang dicuri kepada rakannya

2	(a)	(iii)	Nyatakan hukum :
			(a) Jual beli yang dilarang tetapi sah, kerana Encik Ali menipu dalam berniaga.
			(b) Jual beli yang dilarang dan tidak sah, kerana barang yang dijual adalah bukan kepunyaan penjual.

Calon ini dapat menjawab hukum dan alasan dengan tepat iaitu alasan yang diberi tanpa mengulang soalan ( meletakkan barang yang baik dibahagian atas sedangkan dibahagian bawah adalah sebaliknya dan telefon bimbit yang dicuri ).

iii-a) ~~the~~ Jual beli sah tetapi haram.

b) Jual beli tidak sah dan haram.

Calon hanya dapat menjawab hukum sahaja tanpa menyatakan alasan. Oleh itu dicadangkan kepada calon agar menulis kehendak soalan iaitu (a – Hukum : \_\_\_\_\_ alasan \_\_\_\_\_ ). Calon juga dikehendaki mencari atau mencuba untuk menulis alasan untuk membantu dalam mengekalkan markah penuh.

iii) a)	makruh
b)	Haram

Calon tidak dapat memahami hukum dan alasan berkaitan dengan situasi yang diberi.

2 (b) (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab suami kepada isteri. [

2	(b)	(i)	Dua <del>tg</del> tanggungjawab suami kepada Isteri - (2 m)
			i- Memberi nafkah zahir dan nafkah batin
			ii- Membimbing isteri ke jalan Islam yang lurus
			iii- Menyediakan tempat tinggal dan, pakaian dan makanan yang secukupnya.
			iv- Memberi kasih sayang yang secukupnya kepada Isteri.

Calon dapat menceritakan tanggungjawab suami kepada isteri dengan baik. Huraian yang diberikan dapat menggambarkan mereka faham dan yakin dengan persembahan jawapan. Contohnya memberikan nafkah zahir dan batin, membimbing isteri ke jalan Islam.

b)	i)	- Memberi nafkah yang cukup -
		- memberi makanan, tempat tinggal, pakaian yang cukup -

Calon ini memberikan dua isi jawapan tetapi jawapan yang kedua adalah isi jawapan berulang. Oleh itu calon diingatkan agar menulis jawapan yang melebihi daripada kehendak soalan.

2	(b)	i-	Nyatakan dua tanggungjawab suami kepada isteri -
			* Ilmu
			* Agama
			* Cantik

Calon ini memberikan jawapan bukan tanggungjawab suami tetapi ciri-ciri bakal isteri yang dituntut dalam agama.

2 (b) (ii). Jelaskan **dua** hikmah isteri menunaikan tanggungjawab dengan sempurna

2	(b)	(ii)	Dua hikmah Isteri menunaikan tanggungjawab dengan sempurna. (4 m)
			i- Rumah tangga selayaka aman dan harmoni tanpa sebarang pergaduhan.
			ii- Ganjaran syurga dan pahala buat isteri kerana menjadi isteri yang sempurna.
			iii- Hubungan kasih sayang suami terhadap isteri lebih erat.
			iv- Menjadi contoh yang baik kepada anak-anak untuk menghormati ibu

Calon ini dapat mengemukakan empat hikmah isteri menunaikan tanggungjawab dengan jelas dan baik.

(ii) dua hikmah isteri menunaikan tanggungjawab dengan sempurna.

- Telah mengikut perintah Allah

- Disayangi oleh suami.

Calon ini hanya dapat mengemukakan satu isi jawapan yang betul dengan kehendak soalan. Manakala jawapan pertama secara umum kepada sesiapa sahaja

ii) (Pekerja dan hikmah ~~sejaj~~ ~~sejaj~~ menunaikan tanggungjawab:

- Menyang mengyang suami

- menjaga harga diri

Calon memberikan jawapan berkaitan dengan tanggungjawab isteri ke atas suami bukan hikmah isteri menunaikan tanggungjawab.

2 (b) (iii) Jelaskan **dua** persediaan suami isteri ke arah mewujudkan keluarga bahagia.

② (b) (iii) Dua persediaan suami isteri ke arah keluarga bahagia. (4 m)

i - Memastikan kedudukan kewangan suami isteri telah kukuh sebelum berumah tangga agar tidak mengalami kesempitan hidup selepas berkahwin.

ii - Menjalani kursus perkahwinan sebelum berkahwin agar dapat mempersiapkan diri dan aspek mental dan ~~hati~~ untuk menjalani kehidupan berumah tangga.

iii - Mewujudkan persefahaman antara suami dan isteri sebelum berumah tangga agar tidak berlaku perselisihan pendapat antara pasangan selepas berkahwin.

iv - Mengukuhkan diri dengan beribadah dan sifat-sifat mulia dari kebahagiaan rumah tangga di masa hadapan.

v - Melengkapkan diri dengan ilmu agar anak-anak dapat dididik dengan ilmu yang sempurna seperti ilmu agama dan ilmu kehidupan.

Calon dapat menjelaskan persediaan suami isteri untuk mewujudkan keluarga bahagia malah dapat mengemukakan banyak isi. Jawapan ini perlu dijadikan contoh oleh semua calon.

iii- dua persediaan suami isteri ke arah mewujudkan keluarga bahagia ialah :-

- melahirkan zuriat yang soleh dan solehah

- memberikan kasih sayang yang secukupnya

- bursiap sedia menaharungi segala durgan.

- memberikan dorongan yg kepada anak-anak.

Calon menjawab mengikut kehendak soalan hanya pada isi yang ketiga manakala isi jawapan yang lain lebih mirip kepada calon mengemukakan hasrat dari perkahwinan.

iii)	Dua persediaan suami isteri ke arah mewujudkan keluarga bahagia ialah (4m).
	• Membuat persediaan untuk mengadakan majlis kahwin
	• membuat persediaan untuk berkahwin
	• Bersedia untuk menjadi suami isteri

Calon ini tidak dapat membezakan antara persediaan suami isteri untuk hidup bahagia dengan persediaan walimatulurus. Mereka menyangka persediaan tersebut ialah persediaan untuk mengadakan kenduri kahwin atau yang berkaitan.

### SOALAN 3

(a) (i) Bagaimanakah Umar al-Khattab r.a dilantik sebagai khalifah

a) i)	Cara Umar al-Khattab dilantik sebagai khalifah : (3m)
	- Umar al-Khattab dilantik melalui wasiat daripada Khalifah Abu Bakar As-Siddiq semasa beliau sakit. Wasiat ini ditulis oleh Saidina Uthman bin Affan dan dipersetujui oleh semua umat Islam. ini bertujuan mengelakkan perpecahan umat Islam.

Calon dapat menyenaraikan tiga isi jawapan cara pelantikan mengikut rentetan yang baik dan tersusun.

(a) (i)	Pelantikan Umar al-Khatab r.a.	(3m)
	• Beliau dilantik secara wasiat dan majlis syura.	
	• Ketika Abu Bakar as-Siddiq sakit, beliau telah mewasiatkan Umar al-Khatab r.a untuk menggantikan posisinya sebagai khalifah.	
	• Ahli majlis syura juga bersetuju Umar al-Khatab r.a. dilantik sebagai khalifah yang baru.	

Calon hanya dapat memberikan dua isi jawapan dengan tepat. Calon diharap dapat menyemak semula jawapan untuk mengelak dari memberi isi jawapan yang sama maksud.

3 | a) i) Umar al-Khatab dilantik sebagai khalifah  
ketika beliau mempunyai minda yang  
cerdas, berpengalaman untuk mengatasi masalah  
dan cukup umur untuk menjadi seorang  
khalifah

Calon gagal menyatakan cara perantikan khalifah Umar sebaliknya menyatakan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang pemimpin. Maka dinasihatkan supaya menulis seberapa banyak jawapan untuk membantu mendapatkan jawapan yang betul

1. (a) (ii) Nyatakan **tiga** ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin.

ii- Tiga ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin ialah:

- Bersifat tawaduk
- Rakyat mendapat keadilan yang sama rata
- Bertanggungjawab apabila menjalankan amanah

Calon berjaya menyenaraikan tiga ciri khulafa al Rasyidin dengan olahan bahasa yang baik dan lengkap

- ii) Tiga ciri kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. (3 m)
- Menubuhkan majlis syura dan akan menyuarah sekiranya terdapat masalah.
  - Memerintah dengan adil dan saksama.
  - Tidak sewenang-wenangnya melakukan hukuman melainkan ada bukti yang sah.

Calon yang lemah hanya betul satu isi sahaja daripada tiga isi yang dikehendaki. Isi jawapan ketiga sama maksud dengan isi kedua. Jawapan isi pertama lebih menjurus kepada dasar kepimpinan.

**3 (b) Ibnu Sina telah menghasilkan beberapa karya yang sangat berguna dalam bidang perubatan seperti *al-Qanun fi al-Tib***

(i) Nyatakan **dua** keistimewaan karya tersebut

b)	i	2 keistimewaan karya tersebut ialah:
		• menjadi sumber rujukan perubatan di eropah dan kekal menjadi sumber rujukan hingga kini.
		• terdapat pelbagai penemuan perubatan yang baru dijumpai teratat di dalam buku tersebut

Calon ini berjaya menyatakan dua keistimewaan kitab al Qanun fi al Tib dengan baik dan tepat.

- 6) i) dua keistimewaan karya tersebut ialah :-
- menerangkan tentang ilmu perubatan.
  - menerangkan tentang perkaitan antara sains dan Islam.

Calon ini dapat menyatakan satu sahaja keistimewaan karya al Qanun fi al Tib dengan tepat. Manakala jawapan yang lain tidak berkaitan dengan keistimewaan karya tersebut.

i) Dua keistimewaan karya tersebut ialah

- menceritakan tentang sejarah pada zaman dahulu
- karya tersebut bertukar jawi.

Calon ini tidak dapat menyenarai keistimewaan kitab *al Qanun fi al Tib*. Ia hanya menulis jawapan yang tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan keistimewaan.

(b) (ii) Namakan **dua** karya lain selain yang dinyatakan di atas.

ii) 2 karya lain selain *al-Qanun fi al-Tib*

- *Al-Adwiyah Al-Qalbiyah*
- *Al-Atiyah Al-Tibbiyah*

Calon dapat menyatakan dua buah hasil karya Ibnu Sina dengan baik dan tepat.

b) ii - Dua karya lain ialah:

- *Al-Adawiyah al-Qalbiyah*
- *Neraca Iman*
- *Kanun fi Tibb*

Calon dapat menyatakan satu buah hasil karya sahaja yang betul manakala *Neraca Iman* ialah hasil karya Sheikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abas Mohd Taha. Isi jawapan ketiga calon menulis semula kenyataan soalan.

(ii) Dua karya lain selain yang dinyatakan di atas ialah

- *al-Mushad*
- *al-Urf*

Calon ini tidak dapat menyenarai hasil karya tersebut sebaliknya menyenaraikan hasil karya Imam Syafie ( *al-Mushad* ) dan cara mengisbatkan hukum ( *al-Urf* ).

(c) (i) Apakah harta yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas.

c i- Apakah harta yang dimaksudkan :  
Harta yang dimaksudkan ialah semua jenis barangan  
yang bernilai menurut hukum syarak serta suci dan halal/  
yang memberi manfaat kepada manusia .

Calon ini dapat menyatakan maksud harta dengan tepat menepati kehendak markah

c) i) harta yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas ialah:  
- barang yang berharga untuk dijual dan dibayar dengan dengan  
barang yang bernilai seperti wang.

Calon menulis jawapan yang sama maksud iaitu berharga dan bernilai.

c) i) Harta yang dimaksudkan dalam pernyataan ialah :  
- Barangan yang dimiliki secara sempurna oleh penjual atau pembeli

Calon ini tidak memberikan jawapan kepada maksud harta tetapi jawapan menjurus kepada syarat barang dalam jual beli.

3.(c) (ii) Jelaskan **dua** adab berniaga dalam Islam..

ii. Adab berniaga dalam Islam.

- Ihsan dalam mengukur timbangan.
- Amanah ketika berjual beli.
- Bertanggungjawab atas barang yang dijual.
- Menjaga hak pembeli dan penjual.

Calon dapat menjelaskan dua adab berniaga dengan baik menepati kehendak soalan.

ii) Dua adab berniaga dalam Islam:

Tujur dalam berbisnis berniaga.

- Amanah
- Ikhlas kerana Allah

Calon memberikan tiga jawapan yang sama maksud. Oleh itu dinasihatkan agar pelajar dapat menyemak semula jawapan dan seterusnya menambah isi jawapan yang baru.

iii salah satu perkerjaan yang dilakukan oleh nabi ketika masih kecil.

kebanyakkan orang ragu untuk melakukan aktiviti berniaga.

Dapat melatih sifat berani dalam menanggung sebarang risiko kerugian.

Calon gagal menjelaskan adab-adab berniaga dalam islam. Malahan jawapan yang diberi lebih kepada pernyataan umum berkaitan aktiviti perniagaan.

3.(c) (iii) Terangkan **dua** faedah mengamalkan adab berniaga dalam Islam

iii) 2 faedah mengamalkan adab berniaga

- Peniaga mendapat rahmat dan keredhaan Allah kerana melaksanakan jual beli dengan amanah dan ihsan.
- Ekonomi akan berkembang kerana pembeli yakin dan selasa untuk menjalankan urusan jual beli dengan penjual.
- Tidak berlaku penindasan dan penganiayaan terhadap pembeli

Calon dapat memberikan isi jawapan melebihi daripada kehendak soalan berniaga dengan baik beserta isi dan huraian.

iii) Dua fardah mengamalkan adab berniaga dalam Islam.  
Disayangi oleh Allah dan disenangi oleh para pembeli.  
Dimudahkan rezeki oleh Allah s.w.t kerana menjaga adab  
semasa berniaga.  
- Hidup lebih diberkati oleh Allah s.w.t.

Calon ini juga dapat memberikan isi jawapan melebihi daripada kehendak soalan. Tetapi tidak menulis huraian.

1223/1-58

iii- Dua fardah mengamalkan adab berniaga dalam Islam ialah  
- dapat menjaukan diri daripada melakukan perbuatan  
yang sia-sia.  
- dapat melakukan amal jariah dalam perniagaan.

Calon ini memberikan jawapan yang umum iaitu tiada kaitan dengan adab berniaga dalam Islam .

**SOALAN NO.4.**

4 (a) Kementerian pertahanan (Dewan al jundi) dalam struktur organisasi ketenteraan kerajaan bani abbasiah terbahagi kepada beberapa bahagian seperti bahagian tentera aut (al Bahriah) dan bahagian pengurusan sumber manusia (Dewan al Tasnif)

(i) Nyatakan **dua** bahagian lain.

4)   a)
i) Dua bahagian lain
- Al-Maktabah (kannon)
- Al-Juwayy (perisikan)
- Al-Taqwiyah (keuangan)
- Al-Arch (bekas simpanan)

Calon ini dapat memberikan dua jawapan yang tepat berkaitan struktur organisasi ketenteraan kerajaan bani Abassiah selain bahagian tentera laut (al-Bahriah) dan bahagian pengurusan sumber manusia (Dewan al-Tasnif)

a) i) 2 bahagian lain Dewan al-Jundi ialah:	(2 m)
- bahagian perisikan	- bahagian tentera darat
- bahagian pertahanan	- bahagian tentera berkuda

Calon mengemukakan empat jawapan tetapi jawapan pertama sahaja yang betul. Tiga jawapan berikutnya mirip kepada strategi dan bahagian-bahagian tentera dalam peperangan.

4	(b) (i)	Nyatakan dua bahagian lain
		a) Majlis Takrir
		b) majlis muqaballah

Calon mengemukakan dua jawapan tetapi semuanya tidak tepat kerana ia tiada kaitan dengan struktur organisasi ketenteraan kerajaan bani Abassiah.

4 (a) (ii) Jelaskan tanggungjawab bahagian pengurusan sumber manusia  
(Dewan al-Tasrif)

ii) Tanggungjawab bahagian pengurusan sumber manusia (Dewan al-Tasrif)  
- menguruskan kebajikan tentera contohnya kenaikan pangkat dan gaji tentera.

Calon dapat menjelaskan tanggungjawab bahagian pengurusan sumber manusia dengan tepat mengikut kehendak soalan.

ii) Jelaskan tanggung jawab sebagai pengurusan sumber manusia (Dewan al-Tasrif)  
\* Menguruskan bantuan - bantuan kebajikan kepada rakyat  
\* Menyediakan bantuan - bantuan perubatan kepada rakyat miskin  
\* Menguruskan hal - hal perlindungan semua rakyat bani Abbasiyah

Calon gagal memberikan jawapan yang tepat berkaitan tanggungjawab bahagian pengurusan sumber manusia dalam struktur organisasi ketenteraan di zaman Abbasiyah. Sebaliknya calon mengemukakan jawapan berkaitan tanggungjawab pemimpin kepada rakyat dalam tajuk adab dan akhlak Islamiyyah tingkatan lima.

4 (b) Imam as Syafii rahimahullah terkenal dengan kegigihannya dalam menuntut ilmu.  
(i) Nyatakan **dua** bukti kegigihannya.

b) i) Dua bukti kegigihannya  
- mengutip kertas-kertas terbuang untuk mencatat ilmu  
- meminjam kitab al-Muattaz dan berusaha menghafalnya  
- menuntut ilmu daripada beberapa orang guru seperti Imam Malik.

Calon dapat mengemukakan dua bukti kegigihan Imam Syafie dalam menuntut ilmu dengan tepat.

b) (i) Bukti kegiatannya

- mengingati Al-Quran ketika berumur 5 tahun
- menghafaz kitab Al-Muwatta' semasa 10 tahun.
- tekun dan gigih menuntut ilmu

Calon dapat mengemukakan satu jawapan sahaja yang tepat manakala dua lagi jawapan tidak tepat. Isi jawapan pertama sepatutnya ditulis ialah menghafaz al-Quran manakala isi jawapan kedua ialah umum kepada sesiapa sahaja.

(B) (i) Nyatakan dua bukti kegiatannya Imam al-Syafi' rahimahullah.

\* Telah membina beberapa madrasah dan mempunyai murid 10,000 murid

Calon memberikan jawapan yang tiada kaitan dengan kehendak soalan. Jawapan hanya rekaan semata-mata.

4 (b) (ii) Terangkan dua keistimewaan beliau?

4) b) (ii)

- dikenali "bapa <sup>PS</sup> usul Fiqh" kerana merupakan orang yang pertama menulis buku dalam bidang ini.
- banyak menulis kitab sebagai seperti kitab al-Umm dan al-Risalah.
- menghafaz kitab al-Muwatta' ketika berusia 10 tahun.
- mahir dalam bidang penulisan seperti menulis syair dan sajak.

Calon dapat mengemukakan empat contoh jawapan yang tepat serta mempunyai isi dan huraian. Jawapan calon ini khusus merujuk kepada keistimewaan Imam Syafi' sahaja yang tiada pada tokoh lain.

ii) 2 keistimewaan beliau:

- ~~Mampu~~ Mampu memajukan mazhab Imam Syafi' yang diamalkan oleh kita pada hari ini kerana fonksinya beliau dalam ilmu agama.
- Tidak mudah putus asa dalam mempelajari ilmu agama dan daripada semua umat yang kerana ilmu sangat penting dan wajib dipelajari.

Calon hanya memberikan satu contoh jawapan lengkap yang mengandungi isi dan huraian. Satu lagi jawapan tidak menunjukkan keistimewaan Imam Syafie secara khusus kerana jawapan tersebut juga dimiliki oleh tokoh-tokoh lain.

(ii)	Tersangkan dua keistimewaan beliau.
	* Telah keistimewaan beliau telah menghafal 30 juzuk alquran sewaktu kecil
	* Menghasilkan beribu-ribu hadis berkaitan <sup>dengan</sup> agama islam
	A. Berpakaian yang mendedahkan aurat

Calon mengemukakan jawapan secara umum iaitu merujuk kepada keistimewaan banyak tokoh dan bukan khusus yang dimiliki oleh Imam Syafie.

4 (c) Islam menetapkan adab-adab berhias diri untuk panduan umatnya.

(i) Nyatakan **dua** adab tersebut

(c) i)	2 adab berhias diri ialah :
	- Memakai wangi-wangian
	- Memakai pakaian yang bersih dan kemas
	- Kerap mandi untuk membersihkan badan
	- Memotong kuku
	- Merapikan rambut dan janggut serta menghilangkan bulu dari badan seperti mencabut bulu ketiak dan ari-ari.

Calon dapat menyenaraikan lebih daripada dua jawapan adab-adab berhias diri dengan tepat.

(c) (i)	dua adab <del>nya</del> berhias diri.
	- menjaga kemasannya diri.
	- Pandai berhias diri.

Calon hanya mampu memberikan satu jawapan yang tepat manakala satu lagi jawapan hanya menulis semula kehendak soalan.

4) c) i) Adab berhias diri

- tidak memakai wangi-wangian

- memakai pakaian yang ketat

- bersolek berlebih-lebihan

Calon memberikan jawapan dalam bentuk ayat yang negatif dengan adab-adab berhias diri.

4 (c) (ii) Jelaskan dua amalan yang dilarang ketika berhias diri

ii) 2 amalan yang dilarang ketika berhias diri

- Melakukan pembedahan plastik untuk tujuan kecantikan.

- Menyambung rambut

- Memakai pakaian yang berlawanan jantina

- Berpakaian yang mendedahkan aurat

Calon ini mengemukakan lebih daripada dua isi dengan tepat berkaitan amalan-amalan yang dilarang ketika berhias diri.

(ii) dua amalan yang dilarang ketika berhias diri.

- memakai wangian yang melampau.

- memakai alat solek yang terlalu tebal.

Calon ini mengemukakan dua jawapan dimana satu jawapan tepat dan satu lagi jawapan yang sama maksud.

ii) Tidak bertujuan untuk menggoda

- Berhias secara sederhana dan agar tidak

berlaku fitnah.

Jawapan pertama tidak tepat kerana menggunakan perkataan 'tidak' yang membawa maksud amalan yang disuruh dan bukan dilarang. Jawapan yang kedua pula mirip kepada kesan.

SOALAN 4 (c)(iii) Terangkan dua kesan melakukan amalan yang dilarang ketika berhias diri.

- iii) Dua kesan melakukan amalan yang dilarang ketika berhias diri:
- seseorang individu itu akan dicemooh masyarakat dan marah dirinya
- tercemar kerana memakai pakaian yang tidak menutup aurat.
- Seseorang itu akan mendapat dosa dan dimurkai Allah SWT kerana melakukan larangan-Nya.

Calon mengemukakan jawapan tepat mengikut kehendak soalan serta mempunyai isi dan huraian seperti yang dikehendaki kata tugas.

- |      |  |
|------|--|
| iii) | Terangkan dua kesan melakukan amalan yang dilarang ketika berhias diri. (4m) |
|      | Antara kesan melakukan amalan yang dilarang ketika berhias diri ialah:       |
|      | - Hidup tidak tenteram kerana tidak diridhai Allah SWT.                      |
|      | - Akan mendapat bala-balaran di dunia dan diakhirat kelak.                   |
|      | - Akan dipandangi serong oleh masyarakat.                                    |
|      | - Imej diri, keluarga dan negara akan tercemar.                              |

Calon mengemukakan banyak jawapan tetapi hanya isi jawapan pertama sahaja mengandungi huraian manakala jawapan yang lain hanya mengandungi isi jawapan sahaja tanpa huraian.

- 4) (c)(iii) Dua kesan melakukan amalan yang dilarang ketika berhias diri. (4m)
- menunjuk-nunjukkan hiasan diri kepada orang ramai
- berhias diri untuk memikat seseorang adalah amalan yang dilarang ketika berhias diri.

Jawapan di atas ialah contoh amalan-amalan berhias diri yang dilarang bukan kesan-kesan amalan yang dilarang ketika berhias diri seperti yang dikehendaki soalan.

## **SARANAN KEPADA CALON**

- 1 Menyediakan nota ringkas yang lengkap dan menarik seperti Peta Minda, Peta Buih, Peta Alir, Peta Dakap dan lain kaedah pembelajaran agar mudah difahami, diingati faktanya dan juga dapat menjimatkan masa mengulangkaji.
- 2 Pastikan pelajar membuat persediaan yang cukup. Biasakan diri mengulangkaji mengikut keseluruhan tajuk, agar tidak ketinggalan sebahagian tajuk.
- 3 Fahami istilah-istilah atau pengertian dengan menandakan atau mengasingkan fakta-fakta utama dan fakta sokongan supaya dapat menulis semula dengan baik semasa menjawab peperiksaan. Istilah tak perlu dihafaz dari ayat ke ayat.
- 4 Menguasai teknik menjawab yang betul. Fahami teknik menjawab bagi setiap bentuk kata tugas (nyatakan, jelaskan, terangkan) kerana ia menentukan jumlah markah yang akan diperoleh.
- 5 Tulisan hendaklah kemas dan baik. Gunakan pen dakwat hitam atau biru gelap supaya mudah dibaca oleh pemeriksa.
- 6 Bagi pelajar sederhana dan lemah cuba jawab soalan bahagian tamadun dan tokoh sedaya yang boleh. Jangan dibiarkan kosong.
- 7 Cuba jawab soalan bahagian adab sebaik yang boleh kerana bahagian inilah yang banyak membantu calon mendapatkan markah.
- 8 Baca dan faham soalan dengan teliti.
- 9 Gariskan arahan-arahan penting dalam soalan seperti kata tugas, bilangan isi yang dikehendaki, fokus soalan dan aspek kemahiran yang dikehendaki, supaya dapat menjawab dengan tepat.
- 10 Mulakan jawapan dengan menulis kepala jawapan seperti dua amalan yang dilarang ketika berhias diri“ supaya pemeriksa tidak keliru atau bertukar jawapan dengan soalan lain.
- 11 Tuliskan jawapan pada muka surat baru bagi setiap soalan yang baru supaya kelihatan kemas dan teratur dan memudahkan pemeriksa menjumlahkan markah.
- 12 Semak jawapan dengan berpandukan soalan supaya tidak ada soalan yang tertinggal.

### **SARANAN KEPADA GURU:**

- 1 Guru hendaklah menghabiskan sukatan pelajaran lebih awal supaya mempunyai masa yang cukup untuk membuat ulangkaji .
- 2 Untuk tajuk yang berkaitan dengan tokoh, guru perlu memfokuskan kepada tajuk-tajuk tudingan ( tajuk-tajuk penting ) supaya pelajar dapat menguasai tajuk-tajuk berkenaan.
- 3 Latih tubi selepas peperiksaan percubaan perlu difokuskan kepada penguasaan topikal.
- 4 Guru hendaklah memberikan kemahiran menjawab dengan teknik yang betul lebih awal sebaiknya mulai tingkatan 4 lagi supaya pelajar dapat menggunakan teknik yang betul mulai awal tahun lagi semasa di tingkatan 5.
- 5 Guru hendaklah membuat latih tubi menjawab berdasarkan kata tugas dan menggunakan bahasa yang jelas dan tepat.
- 6 Semasa Pengajaran dan Pembelajaran dalam kelas guru hendaklah menggunakan buku teks atau isi kandungan daripada buku teks kerana buku teks adalah panduan utama dalam peraturan pemarkahan.
- 7 Guru hendaklah mengaplikasikan penggunaan ICT dan mempelbagaikan kaedah mengajar terutama dalam tajuk tamadun dan tokoh untuk menarik minat dan tumpuan pelajar.
- 8 Guru hendaklah membantu pelajar lemah menyediakan notas ringkas atau peta minda yang mudah yang boleh digunakan semasa mengulangkaji.
- 9 Guru hendaklah menyediakan modul-modul khas kepada pelajar lemah, yang berfokuskan kepada kelemahan pelajar berkenaan agar dapat diperbaiki.